

08/09/2001

Kerajaan sedia atasi masalah perumahan setinggan

TAIPING, Jumaat - Kerajaan sedang berusaha menyelesaikan masalah perumahan bagi setinggan terutama di Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Jawatankuasa Kabinet Mengatasi Masalah Perumahan Setinggan yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah membincangkan masalah itu, Rabu lalu, dan usaha mengatasinya akan dilaksanakan secara berperingkat.

Beliau yang juga salah seorang anggota jawatankuasa itu berkata, kerajaan merancang membina rumah sesuai bagi setinggan di seluruh negara dan berharap mereka yang terbabit sedia berpindah ke rumah yang dibina kerajaan.

Katanya, mesyuarat lalu turut membincangkan pelbagai usaha yang akan dijalankan supaya setinggan rela berpindah.

"Jika mereka sedia berpindah ke rumah disediakan kerajaan maka kawasan setinggan itu boleh dibangunkan bagi membina rumah yang mampu dimiliki golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya selepas hadir pada majlis keagamaan di Pokok Assam dekat sini, hari ini.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, pada ketika ini terdapat lebih 34,000 setinggan di Kuala Lumpur, Selangor (38,000) dan Perak (15,000).

Bagaimanapun, beliau tidak memberikan perangkaan bagi setinggan negeri lain.

Katanya, kerajaan berhadapan masalah menyelesaikan isu setinggan kerana ada setinggan enggan keluar daripada menduduki tanah kerajaan hingga menyukarkan pembangunan lain.

"Setinggan di tanah kerajaan sepatutnya tidak berdegil dan mengenakan pelbagai syarat untuk berpindah supaya kawasan yang mereka diami dapat dibangunkan dengan rumah yang sesuai dan melaksanakan pembangunan lain," katanya.

(END)